

PEMIKIRAN BAHARU
**Utusan
Malaysia** 85
1959-2024
Meneruskan
legasi kewarntawaran

4 Ogos 2024



Pemberian elaun Tok Batin bukti kerajaan negeri tidak pinggirkan Orang Asli

SEGAMAT: Pemberian elaun kepada tok batin masyarakat Orang Asli di negeri ini membuktikan kaum berkenaan tidak terpinggir.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri Datuk Zahari Sarip, sebelum ini, pemimpin masyarakat itu hanya menerima elaun sebanyak RM900 daripada kerajaan Pusat.

“Pemberian elaun perkhidmatan sebanyak RM300 daripada kerajaan negeri sejak awal Januari lalu adalah antara perkara yang kita lihat bagi menghargai komitmen tok batin.

“Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Johor juga menggalakkan masyarakat terdahulu Orang Asli membantu memberi penerangan sejarah di kampung kerana mereka mempunyai kepakaran dalam ikhtiar hidup dalam hutan serta budaya yang unik untuk diketengahkan.

“Kita juga menggalakkan orang ramai untuk datang ke kampung Orang Asli di seluruh Johor bagi mengenali kehidupan dan budaya mereka,” katanya ditemui pada Karnival Mini Kebudayaan Orang Asli Johor 2024 di Segamat Central, di sini yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekok, Tan Chong: Pengarah Jakoa Johor, Faisal Long dan Pegawai Daerah Segamat, Mohd. Masni Wakiman.

Zahari berkata, terdapat 60 kampung masyarakat Orang Asli dengan 46 tok batin, melibatkan lima kaum dan seramai 18,779 penduduk di negeri ini.

“Pihak kerajaan negeri menyarankan orang ramai untuk memaklumkan sebarang aktiviti membabitkan Orang Asli kepada Jakoa sama ada di peringkat negeri atau daerah bagi membolehkan jabatan berkenaan membantu pelawat mendapatkan kerjasama daripada penduduk setempat.